

Kos hanya naik kepada golongan maha kaya

Kerajaan akan teruskan subsidi haji

KOSMO 5/10/2023 M/S:4

PETALING JAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi haji untuk memastikan kosnya tidak melonjak naik sehingga membebankan sebahagian besar rakyat negara ini.

Bagaimanapun, kos haji bakal dinaikkan kepada golongan yang berpendapatan tinggi, terutamanya mereka yang berpendapatan lebih RM100,000 sebulan.

“Tahun ini, kita tambah bantuan subsidi untuk jemaah haji. Tetapi, bagi yang terkaya, kita tidak beri subsidi, dia bayar. Be-

rapa pendapatannya? Ada saya tengok dalam rekod, ada yang pendapatannya lebih kurang RM1 juta sebulan.

“Tetapi, kerana dia pencarum, dia berhak dapat subsidi. Dia berhak dapat bantuan Tabung Haji untuk tolong uruskan. Tetapi, sebab apa kita bayar subsidi?”

“Jadi, saya ambil keputusan, (terhadap) yang kaya-kaya ini. (Kos haji) hanya naik kepada orang yang pendapatannya RM100,000 sebulan. Tetapi, yang bawah, tidak dinaikkan,” katanya dalam video yang dimuat naik dalam Facebook semalam.

Tambah Anwar, kerajaan tidak lagi mampu menanggung pemberian subsidi kepada orang kaya kerana ia merupakan pemberian khas untuk rakyat yang tidak berkemampuan.

“Mengapa dalam sistem kita, bantuan orang susah turut diterima oleh orang kaya? Jadi kita kena tukar.

“Tidak ada masalah. Selepas kita terangkan, hampir 400 jemaah yang layak menerima sebahagian atau sepenuhnya subsidi bertindak menolak pemberian tersebut kerana inginkan haji mabrur,” katanya.



PEMBERIAN subsidi haji akan diteruskan bagi memastikan kosnya tidak melonjak naik sehingga membebankan sebahagian besar rakyat negara ini. – GAMBAR HIASAN